

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HIS304 Sistem Kehakiman Islam

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Penegakan keadilan di dalam masyarakat adalah salah satu tujuan utama yang ingin dicapai oleh Islam melalui pelbagai sistemnya. Huraikan pernyataan ini berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi s.'a.w. yang menyentuh masalah berkenaan dan yang boleh dijadikan garis panduan di dalam urusan kehakiman.
2. Sistem Kehakiman telah mengalami perkembangan yang pesat di bawah pemerintahan Bani 'Abbās ('Abbāsiyyah). Nyatakan perkembangan tersebut serta bandingkan dengan yang sebelumnya; yakni sistem kehakiman semasa Khulafā' al-Rāshidīn dan Bani Umayyah.
3. Di antara syarat-syarat yang ditetapkan oleh para 'ulama untuk seorang hakim ialah lelaki dan berakal waras. Bincangkan syarat-syarat ini secara kritis dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan yang berlaku pada zaman kini.
4. Salah satu bentuk kehakiman di dalam Islam ialah apa yang dikenali sebagai Wilāyat al-Mazālim. Bincangkan tentang kehakiman ini dari aspek-aspek:
  - (a) maksudnya dan sejarah kelahirannya;
  - (b) ciri-ciri yang membezakannya dengan Kehakiman Biasa dan Kehakiman al-Hisbah;
  - (c) bidang-bidang tugasnya menurut pandangan al-Māwardī.

5. Di antara cara-cara mensabitkan dakwaan di dalam Kehakiman Islam ialah qarinah dan penyaksian. Huraikan keduanya cara ini berdasarkan pandangan ahli-ahli fiqh Islam yang berwibawa.

-oooo000ooo-